

Tahap keselamatan di UM dijamin terkawal

UM 1 JUL 2001

KUALA LUMPUR 30 Jun — Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Meor Chek Hussein Mahyuddin memberi jaminan tahap keselamatan di Universiti Malaya menjelang majlis penutupan Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru esok, terkawal.

“Semuanya berada dalam keadaan baik dan tiada apa yang perlu dirisaukan,” kata beliau ketika dihubungi di sini, hari ini.

Bagaimanapun, menurut beliau, polis akan terus memantau keadaan di universiti tersebut dari semasa ke semasa.

Mengenai persiapan pasukan polis menangani keadaan di universiti itu, beliau berkata, selain daripada anggota tugas am, Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) juga dikerah mengawal tempat simposium bagi mengelak sebarang kemungkinan.

Esok, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed dijadual menutup simposium dua hari tersebut yang bermula hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, pihak penganjur simposium hari ini mengeluarkan pas khas kepada setiap wartawan dan wakil media yang akan membuat liputan mengenai majlis penutup simposium itu, esok.

Pengeluaran pas khas itu dilihat sebagai satu langkah berjaga-jaga pihak universiti agar majlis penutupan simposium itu berjalan dengan lancar setelah Dewan Tunku Canselor UM hampir musnah dalam kebakaran semalam.